

13

Siapakah yang perlu hadir di Mahkamah semasa pendengaran permohonan?

Mereka yang berkaitan yang telah dikeluarkan notis oleh Mahkamah termasuk kanak-kanak itu.

14

Bolehkah Mahkamah mengeluarkan perintah sementara?

Mahkamah boleh mengeluarkan perintah sementara untuk memberi penjagaan seseorang kanak-kanak kepada pemohon untuk tempoh tidak kurang daripada 6 bulan dan tidak lebih daripada 2 tahun dengan syarat-syarat tertentu yang berkaitan dengan nafkah, pendidikan, pengawasan dan kebajikan kanak-kanak itu. Mahkamah boleh melantik penjaga *ad litem* (*guardian ad litem*) atau mana-mana orang untuk mengawasinya.

15

Bilakah perintah pengangkatan akan dibuat?

Perintah pengangkatan akan dibuat oleh Mahkamah selepas Mahkamah berpuas hati bahawa –

- (a) persetujuan yang diperlukan telah diperoleh dan mereka telah faham perintah dan kesan perintah tersebut;
- (b) bagi ibu bapa kandung anak itu, mereka telah faham bahawa mereka tidak boleh lagi melaksanakan hak-hak mereka terhadap kanak-kanak tersebut buat selama-lamanya;
- (c) perintah itu adalah demi kebajikan kanak-kanak itu;
- (d) persetujuan tidak dibuat kerana pembayaran atau pemberian hadiah.

16

Apakah kesan perintah pengangkatan?

Kesan perintah pengangkatan, antara lain, ialah –

- (a) anak yang diambil angkat itu dianggap sebagai anak yang telah dilahirkan kepada ibu/bapa angkat dalam perkahwinan yang sah;
- (b) semua hak, tanggungjawab dan tanggungan ibu bapa kandung atau penjaga kanak-kanak itu berpindah kepada ibu/bapa angkat;
- (c) anak angkat mempunyai hak mengenai harta alih dan tak alih ibu/bapa angkat seperti dia anak kandung ibu/bapa angkat itu;

- (d) ringkasnya, anak angkat itu mempunyai hak seperti anak kandung ibu/bapa angkat sendiri.

17

Apakah Jabatan Bantuan Guaman boleh memberi bantuan untuk membuat permohonan anak angkat?

Ya. Pemohon boleh hadir sendiri ke mana-mana cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang terdekat dengan membawa bersama –

- (i) Butir-butir perkahwinan pemohon –
  - (a) Sijil Daftar Perkahwinan;
  - (b) Sijil Kelahiran Anak-Anak
- (ii) Butir-butir pihak responden –
  - (a) Nama, alamat suami/isteri (ibu bapa kandung kanak-kanak tersebut);
  - (b) Pekerjaan suami/isteri/nama majikan (atau Pegawai Kebajikan Masyarakat)
- (iii) Laporan berkaitan –
  - (a) Nama, alamat lengkap majikan;
  - (b) Pekerjaan;
  - (c) Pendapatan, penyata gaji terkini;
  - (d) Surat Perakuan daripada majikan;
  - (e) Penyata KWSP;
  - (f) Borang J (Cukai Pendapatan);
  - (g) Buku Akaun terkini;
  - (h) Nama-nama saksi dengan alamat lengkap.

Untuk keterangan lanjut, sila berhubung dengan mana-mana cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang berdekatan atau Ibu Pejabat Jabatan Bantuan Guaman di alamat yang berikut:

**IBU PEJABAT:**  
**JABATAN BANTUAN GUAMAN**  
 ARAS 1, BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG  
 PRESINT 3, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
 62692 PUTRAJAYA  
 NO. TELEFON: 03-88851000  
 NO. FAKSIMILE: 03-88851829/1830/1831  
 LAMAN WEB: [www.jbg.gov.my](http://www.jbg.gov.my)  
 SMS: Taip JBG MENU dan hantar ke 15888

**CATATAN:**  
 RISALAH INI IALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS UNTUK  
 PENGETAHUAN ORANG RAMAI SAHAJA. IA BUKAN NASIHAT  
 UNDANG-UNDANG YANG LENGKAP DAN TERPERINCI.

# PERMOHONAN MENGAMBIL ANAK ANGGAT



**1** Mengapakah pengangkatan anak perlu dibuat menurut undang-undang?

Pengangkatan anak perlu dibuat menurut undang-undang bagi memberi taraf atau status yang baik kepada seseorang anak.

**2** Kepada siapakah Akta Pengangkatan 1952 [Akta 257] terpakai?

Akta ini hanya terpakai bagi keluarga bukan Islam di Semenanjung Malaysia sahaja.

**3** Apakah takrif "kanak-kanak" di bawah Akta ini?

Takrif "kanak-kanak" di bawah Akta ini ialah seseorang yang belum berkahwin di bawah umur 21 tahun dan termasuk juga seseorang perempuan yang berada di bawah umur 21 tahun yang telah diceraiakan.

**4** Di manakah permohonan pengangkatan ini boleh dibuat?

Permohonan pengangkatan boleh dibuat di Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Sesyen.

**5** Siapakah yang boleh memohon pengangkatan anak?

Seseorang yang berumur sekurang-kurangnya 25 tahun dan sekurang-kurangnya 21 tahun lebih tua daripada kanak-kanak berkenaan. Ini bermakna jika seseorang pemohon berumur 30 tahun, dia boleh mengambil anak angkat seorang kanak-kanak yang berumur 9 tahun ke bawah, melainkan jika mahkamah berpuas hati bahawa terdapat hal keadaan khas bagi membuat perintah itu. Tidak lebih daripada satu permohonan boleh dibuat untuk mengangkat seorang kanak-kanak melainkan jika permohonan itu dibuat oleh –

- sepasang suami isteri yang ingin mengambil anak angkat bersama;
- dua orang saudara-mara kanak-kanak yang ingin memohon bersama.

Seseorang lelaki tidak boleh memohon untuk mengangkat anak perempuan melainkan jika terdapat sebab-sebab atau hal keadaan khas yang membolehkan Mahkamah mengeluarkan perintah pengangkatan. Tujuannya adalah untuk mengelak berlakunya perkara-perkara sumbang antara bapa angkat dengan anak angkat itu.

**6** Bolehkah anak tidak sah taraf disahartarakan melalui pengangkatan?

Ibu atau bapa boleh mengesah taraf anaknya yang telah dilahirkan tidak sah taraf melalui pengangkatan. Tidak ada had umur dikenakan.

**7** Apakah prosedur yang perlu diikuti untuk memohon pengangkatan anak?

Prosedur yang perlu diikuti ialah pemohon hendaklah mengemukakan permohonan kepada Mahkamah bersama-sama dengan dokumen seperti yang berikut:

- surat akuan keizinan ibu bapa kandung (jika berkaitan);
- sijil kelahiran asal kanak-kanak;
- sijil daftar perkahwinan/gambar perkahwinan ibu bapa angkat (mengikut mana-mana yang berkaitan);
- dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

**8** Apakah tindakan Mahkamah setelah permohonan dikemukakan?

Apabila permohonan telah dikemukakan kepada Mahkamah, Mahkamah akan melantik seorang penjaga *ad litem* (*guardian ad litem*) bagi kanak-kanak berkenaan. Mahkamah akan mengeluarkan notis kepada semua mereka yang berkaitan (responden) iaitu –

- kanak-kanak berkenaan yang permohonan itu dibuat;
- penjaga *ad litem* (*guardian ad litem*) kanak-kanak tersebut;
- ibu bapa atau penjaga kanak-kanak atau seorang yang bertanggungjawab menyara kanak-kanak tersebut;
- apabila pemohon mempunyai suami atau isteri yang bukan pemohon, suami atau isteri pemohon.

**9** Apakah tugas-tugas penjaga *ad litem* (*guardian ad litem*)?

Tugas-tugas penjaga *ad litem* (*guardian ad litem*) adalah untuk menyasat dengan terperinci keadaan kanak-kanak dan pemohon dan semua perkara lain yang berkaitan, khususnya –

- menyasat sama ada butir-butir dalam permohonan adalah benar dan lengkap terutama sekali tentang tarikh lahir dan identiti kanak-kanak itu;
- sama ada telah menerima bayaran atau hadiah sebagai balasan pengangkatan atau sama ada

permohonan itu secocok dengan kebajikan kanak-kanak itu;

- sama ada pemohon berkemampuan dan taraf hidup pemohon membolehkannya menyara dan menjaga kanak-kanak itu dengan sempurna dan apakah hak dan kepentingan mengenai harta yang dipunyai oleh kanak-kanak itu;
- apakah insurans, jika ada, yang telah diambil ke atas nyawa kanak-kanak itu;
- sama ada perlu, demi kebajikan kanak-kanak itu, bahawa Mahkamah diminta membuat suatu perintah sementara atau menentukan syarat-syarat pengangkatan.

**10** Apakah kanak-kanak itu perlu bermastautin di Malaysia?

Ya. Kanak-kanak berkenaan biasanya hendaklah bermastautin di Semenanjung Malaysia dan perlu berada di bawah jagaan pemohon secara berterusan sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum suatu perintah dibuat.

**11** Perlukah persetujuan diperoleh daripada pihak-pihak tertentu?

Ya. Persetujuan daripada beberapa orang atau pihak perlu diperoleh. Mereka ialah semua orang atau badan yang bertindak sebagai ibu bapa atau penjaga kepada kanak-kanak itu. Jika seorang suami atau isteri memohon, persetujuan pasangan masing-masing perlu diperoleh.

**12** Bolehkah Mahkamah menetapkan persetujuan di atas?

Boleh, iaitu dalam hal keadaan di bawah ini –

- jika ibu bapa atau penjaga kanak-kanak telah meninggalkan, membiarkan atau berterusan melayani keadaan buruk kanak-kanak itu;
- jika orang yang bertanggungjawab menyara kanak-kanak itu enggan memberi sumbangan atau mengabaikannya;
- orang yang perlu diminta persetujuan tidak boleh dikesan atau tidak mampu memberi persetujuan seperti sakit tenat;
- mengikut undang-undang yang berkuat kuasa di suatu Negeri yang berkenaan, pihak berkuasa yang layak memberi kebenaran telah membenarkan pemeliharaan atau pemilikan kanak-kanak itu dipindah kepada pemohon.